



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Karung Berkunci No.1752, Pejabat Pos Durian Tunggal,
76109 Durian Tunggal, Melaka.
Tel : 06-555 2014 Faks : 06-331 6115
E-mel : bendahari@utem.edu.my

PEJABAT BENDAHARI

Ruj. Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 (7)
Ruj. Tuan (Your Ref) :



17 22 Mac 2011
Rabi'ul Akhir 1432H

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 4/2011

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan,

**PERLANTIKAN WAKIL PTj LAIN SEBAGAI KEAHLIAN DALAM JAWATANKUASA
PENILAIAN TEKNIKAL DI SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTj) UNIVERSITI
TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai pemakaian Surat Pekeliling Bendahari Bil. 6/2010 khusus berkaitan pindaan perlantikan wakil PTj lain sebagai keahlian dalam Jawatankuasa Penilaian Teknikal PTj.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari melalui Surat Pekeliling Bendahari Bil. 6/2010 telah menyatakan dalam Para 6.0 berkaitan dengan penubuhan Jawatankuasa Penilaian Teknikal PTj bagi membantu membuat penilaian dan penyediaan laporan penilaian ke atas sebuttharga dan tender.

- 2.2 Melalui pekeliling yang lepas adalah dinyatakan ahli yang terdiri dari wakil PTj akan diperakukan oleh Naib Canselor dari senarai yang dinamakan oleh PTj dan jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut ;

Pengerusi	Ketua PTj
Ahli Jawatankuasa	Pegawai-pegawai di Pusat Tanggungjawab (Minimum Dua (2) orang pegawai) Pemohon (Bergantung kepada sebut harga atau tender yang dikeluarkan) Seorang wakil dari Jawatankuasa Penilaian Teknikal Pusat Tanggungjawab lain yang dilantik
Urus Setia	Pentadbiran PTj

- 2.3 Walau bagaimanapun adalah didapati wakil yang dilantik akan menghadapi masalah untuk memberikan pandangan yang tepat bagi sebutharga dan tender yang bukan selari dengan kepakarannya.

- 2.4 Jawatankuasa Sebut Harga Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja Universiti Bil. 2/2011, telah memutuskan supaya diadakan penambahbaikan terhadap pelantikan wakil PTj sebagai ahli dalam Jawankuasa Penilaian Teknikal PTj.

3.0 TANGGUNGJAWAB

- 3.1 Semua Pusat Tanggungjawab (PTj) adalah **DIWAJIBKAN** menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Teknikal PTj bagi setiap sebutharga dan tender yang dinilai.
- 3.2 Semua Pusat Tanggungjawab (PTj) juga adalah dibenarkan untuk melantik sendiri wakil dari PTj lain melalui Ketua PTj sebagai ahli dan perlulah berdasarkan kepakaran yang diperlukan untuk menilai sebutharga dan tender. Keahlian wakil PTj lain adalah **DIWAJIBKAN**.

3.3 Minimum bilangan keahlian wakil dari PTJ lain adalah seorang dan PTJ adalah dibenarkan melantik melebihi dari seorang wakil.

3.4 Tugas jawatankuasa penilaian teknikal PTJ adalah dibaca bersama Surat Pekeliling Bendahari Bil. 2/2009.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pemakaian Surat Pekeliling akan berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


Yang benar,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Pejabat Bendahari

 06-555 2006

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

